

D.R. 32/2023

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(PINDAAN) 2023

PINDAAN DALAM JAWATANKUASA

TEKS BAHASA KEBANGSAAN

Fasal 4

Fasal 4 Rang Undang-Undang dipinda dalam perenggan (a) berhubung dengan subseksyen 9(1)—

(a) dalam perenggan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “Ketua Menteri Sabah” perkataan “dengan syarat orang lain hendaklah dilantik dengan serta-merta sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 6(1)(da) sebagai pengganti anggota yang telah dibatalkan pelantikannya itu”; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan memasukkan selepas perkataan “Premier Sarawak” perkataan “dengan syarat orang lain hendaklah dilantik dengan serta-merta sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 6(1)(db) sebagai pengganti anggota yang telah dibatalkan pelantikannya itu”.

HURAIAN

Pindaan kepada *fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah melantik dengan serta-merta orang lain di bawah perenggan 6(1)(da) atau (db) sebagai pengganti anggota yang telah dibatalkan pelantikannya itu.

D.R. 32/2023

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 6

2. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 [*Akta 533*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 6—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (*d*), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

“(da) seseorang yang mewakili Negeri Sabah yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah;

(db) seseorang yang mewakili Negeri Sarawak yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Premier Sarawak; dan”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “perenggan (1)(e)” dengan perkataan “perenggan (1)(da), (db) dan (e)”; dan

- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “berkedudukan atau berpengalaman” dengan perkataan “berkedudukan dan berpengalaman”.

Pindaan seksyen 7

3. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “perenggan 6(1)(d)” dengan perkataan “perenggan 6(1)(d), (da), (db)”.

Pindaan seksyen 9

4. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, tanpa memberikan apa-apa sebab baginya, membatalkan pelantikan—

- (a) mana-mana anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(d) atau (e);

- (b) seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*da*) selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah; atau
- (c) seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*db*) selepas berunding dengan Premier Sarawak.”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “perenggan 6(1)(*d*)” dengan perkataan “perenggan 6(1)(*d*), (*da*), (*db*)”.

Pindaan seksyen 28

5. Perenggan 28(a) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (ii), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperenggan (iii) subperenggan yang berikut:
 - “(iv) bank Islam yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];
 - (v) mana-mana institusi kewangan lain yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
 - (vi) institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia dengan sewajarnya di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*]; atau
 - (vii) koperasi yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 ("Akta 533").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 533 dengan memasukkan perenggan baharu (1)(*da*) dan (*db*) untuk meluaskan keanggotaan Lembaga dengan menambah seseorang yang mewakili Negeri Sabah yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah dan seseorang yang mewakili Negeri Sarawak yang hendaklah dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Premier Sarawak. *Fasal* ini juga memperuntukkan bahawa orang yang mewakili Negeri Sabah dan Negeri Sarawak itu hendaklah daripada kalangan orang yang berkedudukan dan berpengalaman dalam perkara kewangan, komersial, percukaian atau undang-undang.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 533 bagi memperuntukkan bahawa anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*da*) atau (*db*) hendaklah juga memegang jawatan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah boleh dilantik semula.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 533 bagi memperuntukkan bahawa Menteri boleh, pada bila-bila masa, tanpa memberikan apa-apa sebab, membatalkan pelantikan seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*da*) selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah dan membatalkan pelantikan seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*db*) selepas berunding dengan Premier Sarawak. Selain itu, anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(*da*) atau (*db*) juga boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda perenggan 28(*a*) Akta 533 bagi meluaskan kuasa pelaburan Lembaga dengan menyimpan wang Lembaga yang ada untuk pelaburan ke dalam bank Islam yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, mana-mana institusi kewangan lain yang dilesenkan dengan sewajarnya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia dengan sewajarnya di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 atau koperasi yang didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta Koperasi 1993.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3325]